

P.U. (A) 419.

AKTA ZON BEBAS 1990

PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (PINDAAN) 1999

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(2) Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Pindaan) 1999**.

(2) Pemberitahuan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1999.

Pindaan Jadual Pertama

2. Jadual Pertama kepada Akta Zon Bebas 1990 dipinda dengan memasukkan selepas butiran 10 butiran yang berikut:

(1)	(2)
<i>Nama bagi Zon Perdagangan Bebas</i>	<i>Aktiviti- Aktiviti</i>
“11. <i>Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor:</i>	Perdagangan

Semua tanah yang terletak di dalam Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor dilingkungi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 2219 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur, Johor, tidak termasuk kawasan yang dinyatakan di bawah:

tanah yang diduduki oleh Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., yang mengandungi Kawasan Pemeriksaan Kastam yang dikelilingi oleh garisan kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* 2219 (Blok C-Baris 12; kawasan seluas 3,834 meter persegi) dan (Blok F-Baris 12; kawasan seluas 3,834 meter persegi).

Dibuat 6 September 1999.

[3 Sulit KE. HE. (96) 966/01; Perb. (C) 0.217/7 Vol. 7 (SK. 3); PN(PU²)485/II]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Kewangan Kedua

FREE ZONES ACT 1990

FREE ZONES (AMENDMENT) NOTIFICATION 1999

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(2) of the Free Zones Act 1990 [Act 438], the Minister makes the following notification:

Citation and commencement

1. (1) This notification may be cited as the **Free Zones (Amendment) Notification 1999**.

(2) This Notification shall come into operation on 1 October 1999.

Amendment of First Schedule

2. The First Schedule of the Free Zones Act 1990 is amended by inserting after item 10 the following item:

(1)	(2)
<i>Name of Free Commercial Zone</i>	<i>Activities</i>
"11. <i>Mukim of Tanjung Kupang, District of Johor Bahru, Johor:</i>	Commercial

All that land situated in the Mukim of Tanjung Kupang, District of Johor Bahru, Johor bounded by the grey line as shown in the *Gazette* Plan 2219 deposited in the Office of the Director of Survey, Johor excluding the areas specified below:

land occupied by the Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd., comprising Customs Inspection Bays bounded by the grey line as shown in the *Gazette* Plan 2219 (Block C-Row 12; an area of 3,834 square metres) and (Block F-Row 12; an area of 3,834 square metres).

Made 6 September 1999.

[3 Sulit KE. HE. (96) 966/01; Perb. (C) 0.217/7 Vol. 7 (SK. 3);
PN(PU²)485/II]

DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED
Second Minister of Finance

P.U. (A) 420.

AKTA ZON BEBAS 1990

PEMBERITAHUAN ZON BEBAS (KAWASAN YANG DIISYTIHARKAN) 1999

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Zon Bebas (Kawasan Yang Diisytiharkan) 1999**.

(2) Pemberitahuan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1999.